

12

PENERAPAN NILAI: PENGGUNAAN KLIP VIDEO DAN IKLAN

Nur Emelda Jumari
Zainah Mohamed

Sekolah Menengah Ping Yi

Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan kesan penggunaan klip video dan iklan dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu, yang turut merangkumi kemahiran berinteraksi, membaca dan menulis. Klip video dan iklan yang dipilih mengandungi unsur-unsur humor, isu-isu kontemporari dan mesej yang tersurat dan tersirat. Kajian yang dijalankan cuba melihat secara kualitatif bagaimana unsur humor dan penerapan mesej serta nilai-nilai murni dapat menarik perhatian pelajar dan secara langsung menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran yang memanfaatkan ICT lebih menarik bagi para pelajar yang dianggap sebagai pribumi digital. Kesan tambahannya ialah para pelajar yang bermotivasi rendah dan mempunyai gaya belajar visual akan lebih menggemari pembelajaran Bahasa Melayu. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa bahan-bahan pengajaran biasa boleh dijadikan lebih substantif dengan menyelitkan bahan visual yang berkaitan dengan topik pembelajaran. Pemilihan dan penggunaan lagu yang sesuai boleh membantu pelajar untuk memahami dan menghargai isu-isu kontemporari dengan lebih bermakna.

Pengenalan

Berdasarkan saranan utama Laporan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda 2010, Kementerian Pendidikan Singapura. Pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda harus memanfatkan penggunaan Teknologi Informasi dan Komunikasi (ICT) yang lebih meluas. Tinjauan yang dilakukan jawatankuasa semakan ini juga mendapati bahawa para pelajar bijak komputer dan minat menggunakan ICT. ICT juga didapati dapat membuka peluang-peluang pembelajaran yang baharu. Dengan kemahiran pelajar kita yang sememangnya pelbagai, ICT dapat memenuhi keperluan pembelajaran mereka. Turut dijadikan fokus adalah saranan Menteri Pendidikan, Encik Heng Swee Keat, yang menggalakkan penerapan nilai dalam pendidikan.

Dalam kajian ini, klip-klip video yang dimuat turunkan melalui *Youtube* akan digunakan sebagai bahan pengajaran. Klip-klip video ini merupakan klip-klip video yang mengandungi unsur humor seperti Mr. Bean dan iklan-iklan Petronas yang banyak mengetengahkan banyak isu masyarakat, terbukti berjaya menarik minat dan perhatian pelajar. Para pelajar juga perlu disedarkan bahawa apabila menonton sesbuah iklan, mereka harus dapat berfikir dan memahami perkara atau mesej yang tersurat dan tersirat daripada visual tersebut.

Pendekatan ini sealiran dengan Teori Memproses Maklumat yang dikemukakan oleh Khahr dan Wallace (1976). Mereka menjelaskan bahawa kebolehan seseorang individu mengkonstruksi pelbagai maklumat menerusi interpretasi boleh mendorong perkembangan pemikiran. Setelah menonton klip-klip video pilihan, pelajar akan melakukan perbincangan yang berkaitan dengan isu semasa seperti isu warga tua, pencemaran alam sekitar, sikap bertimbang rasa dan juga topik-topik yang menjadi pilihan guru. Melalui mesej-mesej inilah, penerapan nilai dapat disisip dan diterapkan dalam pembelajaran.

Penggunaan lirik lagu digunakan untuk memperkaya kosa kata pelajar. Lagu-lagu yang diperdengarkan diharapkan dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan. Guru sedaya upaya mahu memastikan para pelajar yang berbeza dari segi tahap kognitif dan latar belakang akan terus aktif dalam proses pembelajaran dengan melaksanakan strategi pembelajaran pembezaan. Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar Menengah 1 Ekspres, 2 Ekspres dan 3 Normal Akademik.

Tujuan Kajian

Matlamat utama kajian ialah untuk mengkaji sejauh mana penerapan nilai dapat dilaksanakan dengan menggunakan bahan-bahan ICT seperti kilp video dan iklan. Terdapat matlamat-matlamat sampingan yang akan turut dikaji. Di antaranya adalah seperti;

1. keberkesanan penggunaan lagu dalam pembelajaran;
2. kepentingan pembelajaran dengan sokongan bahan (visual) ICT; dan
3. keberkesanan ICT dalam menggalakkan pelajar lemah dan tidak bermotivasi untuk mengikuti pembelajaran Bahasa Melayu.

Permasalahan

Para pelajar didapati menghadapi masalah untuk mengungkapkan pemikiran dan pendapat mereka. Langkah intervensi telah dilaksanakan untuk meneliti bagaimana bahan-bahan visual dapat merangsang minat belajar. Intervensi ini juga perlu digunakan untuk memancing minat pelajar yang sering tidak bermotivasi mengikuti pengajaran dan pembelajaran menulis e-mel rasmi dan tidak rasmi, menulis

karangan ekspositori dan menjawab soalan-soalan kefahaman. Mereka juga dibantu melengkapkan tugas yang terdapat dalam buku teks dan buku aktiviti Menengah 1 Ekspres, Menengah 2 Ekspres dan Menengah 3 Normal Akademik dalam suasana yang lebih menyeronokkan. Turut ditekankan ialah pengukuhan kefahaman dan penerapan nilai-nilai murni dalam pembelajaran.

Menurut Shephard (2001), paradigma pembelajaran menyentuh tentang konsep yang berkait secara langsung dengan makna serta erti sesuatu perkara atau objek yang bersifat relatif kepada persepsi seseorang. Pendidik seharusnya melihat kaitan antara perkara yang ingin diajar dan aspek sikap dan nilainya. Sejauh mana cemerlangnya sesuatu perkara yang dilakukan bergantung kepada kemahiran dan memerlukan sikap positif yang berasaskan nilai-nilai murni.

Jadual 1: *Whole Brain Thinking and Learning: Enhancing Individual and Organizational Learning*. Sumber daripada Shephard, Peter (2001)

Anjakan Paradigma Proses Belajar
<ul style="list-style-type: none">▪ <i>Apa yang saya belajar adalah konsep</i>▪ <i>Mengapa menjadi begitu adalah prinsip</i>▪ <i>Bagaimana perasaan saya tentang perkara itu adalah sikap atau nilai dan keperluan</i>▪ <i>Bagaimana saya lakukan adalah teknik dan cara</i>▪ <i>Bagaimana cekapnya saya lakukan adalah kemahiran</i>

Kajian Lepas

Kajian awal yang dilakukan Azriana A.M. dan Yahida Yahya (2011) di Sekolah Menengah Yusof Ishak, Singapura mendapati bahawa penggunaan unsur-unsur humor telah meningkatkan prestasi para pelajar kerana tahap motivasi mereka telah meningkat. Penggunaan bahan ICT seperti klip

visual daripada lelaman *Youtube* diharap merangsang minat pelajar yang bersifat visual sementara penerapan nilai-nilai murni dapat disampaikan menerusi pendekatan yang mudah tetapi berkesan.

Juriah (2001) mendapati masyarakat abad ke-21 merupakan masyarakat yang berorientasikan sains dan teknologi serta menggunakan prasarana teknologi maklumat dalam kehidupan seharian.

Wood (2002) pula mendapati setiap pelajar berbeza dari segi minat dan kesediaan belajar mereka. Kajian-kajian yang dijalankan membuktikan bahawa faktor minat dan kesediaan pelajar belajar Bahasa Melayu banyak mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dapatan-dapatan ini turut disokong beberapa orang pengkaji seperti Juriah (2010), Zamri(2011), Zamri & M. Amin (2008).

Kesemua kajian ini menunjukkan bahawa faktor minat dan kesediaan pelajar perlu diambil kira dalam merancang kurikulum, kaedah mengajar dan rancangan pengajaran guru Bahasa Melayu. Antara faktor yang dapat menarik minat pelajar mempelajari Bahasa Melayu dalam abad ke-21 ini ialah:

- cara penyoalan guru, jenis soalan dan respon terhadap soalan pelajar;
- kepelbagaian kaedah pengajaran sama ada kaedah berpusatkan guru,berpusatkan pelajar atau pun berpusatkan bahan pengajaran;
- aplikasi ICT dalam pengajaran dan pembelajaran; dan
- mengambil kira profil pelajar yang berbeza kognitif, emosi, sosio-ekonomi dan lain-lain.

Guru Bahasa Melayu perlu mengambil kira 3 cara dan gaya belajar untuk mewujudkan pembelajaran yang mudah, cepat dan berkesan. Gaya dan cara belajar tersebut adalah:

1. gaya belajar visual (melihat) - Guru mempelbagai kaedah, bahan mengajar yang melibatkan aktiviti visual, terutamanya yang melibatkankemahiran bertutur dan membaca;
2. gaya belajar auditori (mendengar) – Guru mempelbagai kaedah mengajar yang melibatkan kemahiran mendengar; dan
3. gaya belajar kinestetik (pergerakan) - Guru mempelbagai kaedah mengajar yang melibatkan pergerakan seperti main peranan, lakonan dan lain-lain lagi.

Menurut Jonassen (1996), ICT berperanan sebagai alat kognitif yang menambahkan kuasa kognitif manusia dalam berfikir, penyelesaian masalah dan pembelajaran. ICT merupakan pasangan intelektual yang menyokong pembinaan ilmu secara individu, mahupun kolaboratif. ICT boleh menyediakan perancah kognitif dan melegakan pelajar daripada tugas peringkat rendah. Oleh itu, adalah sesuai bagi guru untuk menggunakan ICT sebagai alat bantu mengajar. Yang penting, guru harus menggunakan alat atau teknologi yang sesuai dengan proses pembelajaran yang diinginkan.

Fletcher (2005) mengatakan bahawa semua bakat dan potensi otak dapat dikembangkan melalui pendekatan minda secara menyeluruh atau *whole-brain approach*. Struktur dan fungsi otak yang beroperasi secara selari dengan emosi menghasilkan proses pembelajaran yang bermakna atau pembelajaran berdasarkan minda.

The Cheers Project 2005 mendapati, unsur humor dikatakan akan menggerakkan proses pemikiran dan minda. Apabila unsur humor diselitkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, humor akan dapat mengurangkan tekanan yang dialami oleh pelajar sewaktu mereka cuba memahami petikan ataupun sewaktu pelajar sedang melakukan sewaktu tugas

yang dianggap mencabar minda dan menguji kesabaran pelajar.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan, jelas menunjukkan terdapat kaitan yang rapat di antara penerapan nilai dan penggunaan bahan-bahan ICT dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Kaitan ini diharapkan dapat mengukuhkan lagi pembelajaran pelajar disamping menjadikan pembelajaran Bahasa Melayu menarik dan bermakna.

Kaedah Kajian

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 19 orang pelajar Menengah 1 Ekspres, 28 orang pelajar Menengah 2 Ekspres dan 15 orang pelajar Menengah 3 Normal Akademik tahun 2011. Mereka terdiri dari para pelajar yang berbeza kemahiran, latar belakang dan stail pembelajaran. Kebanyakan pelajar mempunyai tahap berbahasa yang sederhana sementara segelintir pula tidak menggunakan bahasa Melayu di rumah. Hampir semuanya pelajar era digital ini sering didedahkan pada bahan visual Youtube. Kebanyakan pelajar tidak membaca bahan bahasa Melayu secara tekal terutama novel kecuali membaca suratkhabar Berita Harian yang diwajibkan pada setiap hari Khamis dan Jumaat serta buku ‘Pena Kreatif’ yang merupakan kompilasi eseи pilihan para pelajar tahun 2010.

Instrumen Kajian

Kajian ini memerlukan guru memberikan perhatian pada sikap dan cara belajar para pelajar. Keberkesanan pedagogi adalah berdasarkan respons pelajar terhadap aktiviti yang dijalankan dan hasil tugasan yang diberikan setelah visual dipaparkan. Borang maklum balas diberikan dan diteliti oleh guru untuk melihat penerimaan pelajar selepas sesi pembelajaran. Guru juga cuba melihat pencapaian menyeluruh

kemahiran bahasa Melayu mereka dengan melihat markah yang diperolehi sebelum dan sesudah strategi dijalankan. Guru secara teliti memilih klip video dan lagu yang sesuai dari lelaman *Youtube* yang memang banyak terdapat di ruang siber dan memuat turun bahan yang sesuai agar masalah teknikal yang sering dialami ketika menggunakan komputer dapat dielakkan.

Prosedur Kajian

1) Pengajaran Pembelajaran Penulisan E-mel dalam Kelas Menengah 1 Ekspres

Langkah merangsang minat belajar dilakukan oleh guru dengan menunjukkan klip video Mr. Bean. Guru memilih bahan itu kerana, video tersebut tidak menggunakan dialog khusus. Penonton menaakul mesej dari visual bersandarkan aksi Mr. Bean. Visual pilihan memaparkan pengalaman Mr. Bean menaiki keretapi (*Mr. Bean on a Train*). Mr Bean menghadapi masalah penumpang lain yang agak mengganggu dirinya.

Oleh kerana keupayaan kognitif, latar belakang dan stail belajar para pelajar berbeza, guru telah memberikan tugas yang berbeza. Guru menugaskan pelajar lemah menuliskan bagaimana visual bermula, berkembang dan berakhir melalui penyusun grafik. Para pelajar bertahap sederhana ditugaskan menuliskan masalah yang dihadapi oleh watak Mr. Bean ketika menaiki kenderaan awam. Guru kemudiannya menugaskan pelajar-pelajar lebih cerdik menyenaraikan masalah-masalah yang mereka pernah alami ketika menaiki bas, MRT atau teksi. Ketua kumpulan kemudian menyampaikan hasil pemerhatian semasa sesi perkongsian. Guru memberikan tugasan kepada pelajar menulis e-mel rasmi. Mereka dikehendaki menulis e-mel aduan mengenai sikap negatif penumpang kenderaan awam dan mengemukakan saran-saran untuk mengatasi masalah penumpang kenderaan awam yang tidak bertanggungjawab.

2) Pengajaran Pembelajaran Penulisan Karangan Ekspositori bagi Menengah 1 Ekspres dan 2 Ekspres

Dalam sesi pembelajaran pengajaran penulisan karangan ekspositori ini, para pelajar telah dilatih untuk menulis karangan semasa di Penggal Satu. Mereka juga telah dibimbing tentang bagaimana menggunakan penyusun grafik ketika melakar isi-isi dari teks berkaitan yang diberikan sebagai bahan perbincangan dan bacaan. Oleh kerana pedagogi guru seharusnya menimbangkan kognitif dan profil pelajar yang berbeza, guru meneruskan pendekatan pembelajaran pembezaan. Rangsangan visual dibuat dengan memaparkan tentang Mr. Bean yang sedang menduduki peperiksaan (*Mr. Bean Sitting for Exam*).

Sambil menayangkan visual, para pelajar lemah ditugaskan meneliti sikap Mr. Bean dari awal iaitu sejak memasuki kawasan peperiksaan sehingga selesai peperiksaan dijalankan. Pelajar sederhana diberikan juga tugas menyenarai sikap negatif Mr. Bean selaku calon peperiksaan. Pelajar cerdik diberikan tugas menyenarai faktor-faktor mengapa Mr. Bean bersikap negatif. Guru kemudian meneruskan pengajaran dengan mengajak pelajar membaca teks dan menuliskan isi-isi penting menggunakan penyusun grafik yang sudah disediakan. Setelah mengulangkaji format karangan ekspositori, barulah pelajar diberikan tugas menulis karangan di rumah tentang faktor-faktor pelajar gagal dalam peperiksaan. Nilai murni yang diterapkan dari visual ialah perbuatan meniru adalah satu kesalahan disiplin. Calon peperiksaan mesti sentiasa menyiapkan diri sebelum menduduki peperiksaan.

3) Pengajaran Pembelajaran Soalan Kefahaman Menengah 1 Ekspres. (Video ‘Pencemaran Alam’ dengan Latar Lagu ‘Hijau’ dan lagu ‘Surat untuk Kawan’ oleh Ebeit dan sedutan filem ‘Seniman Bujang Lapok’)

Semasa penggal satu, para pelajar telah diberi bimbingan menjawab soalan kefahaman yang terdapat di buku teks dan teks-teks tambahan yang sering diberikan dari semasa ke semasa. Oleh itu, untuk menimbulkan suasana yang lebih merangsang dan memaparkan banyak unsur pengukuhan, para pelajar telah diperdengarkan lagu tentang pencemaran dari klip video ‘Pencemaran Alam’ yang guru telah muat turunkan daripada lelaman *Youtube*. Para pelajar ditugaskan menyenaraikan jenis pencemaran alam dan kesan-kesannya ke atas bumi. Lagu ‘Surat Untuk Kawan’ nyanyian Ebeit yang juga menyentuh tentang bencana alam dan mempunyai kaitan dengan pencemaran akibat perlakuan manusia dipaparkan kepada para pelajar. Sambil mendengar, para pelajar mencatat perkataan-perkataan yang mungkin sukar difahami untuk memastikan mereka terus fokus. Guru menjelaskan makna perkataan yang sukar dalam sesi soal jawab selanjutnya.

Oleh kerana tema buku teks Unit 6 ialah ‘Bumiku yang Hijau’ dan menyentuh isu kitar semula, para pelajar telah dibawa menelusur sejarah kitar semula yang mungkin telah dilakukan sejak tahun 50an. Untuk itu guru memanfaatkan sedutan filem ‘Seniman Bujang Lapok’. Visual paparan ialah ketika watak Sudin, Aziz dan Ramli menjual suratkhabar, botol-botol gelas dan pakaian lama untuk mendapatkan sedikit duit. Meskipun mereka berbuat demikian bukan atas kesedaran mengitar semula, namun usaha niaga oleh watak Ah Pek Karang Guni menjadi bukti sejarah bahawa urusniaga kitar semula telah lama dijalankan dalam masyarakat.

Para pelajar kemudian ditugaskan untuk menyiapkan latihan amali dalam buku aktiviti Jauhari bagi Menengah 1 Ekspres. Mereka kemudian membincangkan hasil kerja secara berpasangan. Para pelajar kemudian diminta membaca teks tentang kitar semula dan diberikan tugasan menjawab soalan kefahaman yang terdapat dalam buku teks Jauhari untuk Menengah 1 Ekspres. Nilai murni yang disampaikan ialah

pencemaran bumi merupakan masalah serius yang sejauh ini cuba ditangani dengan menggalakkan amalan kitar semula.

4) Pengajaran dan Pembelajaran Menjawab Soalan Kefahaman dari Buku Teks dan Buku Kerja Jendela Bahasa Menengah 3 Normal Akademik Unit 7 (Iklan Petronas dan klip video ‘Surat Seorang Ibu’)

Isu warga tua merupakan masalah di Singapura dan antarabangsa. Buku teks dan aktiviti Jendela Bahasa menghendaki para pelajar membaca dua buah cerpen mengenainya. Lazimnya tajuk-tajuk begini kurang menarik minat remaja. Untuk merangsang minat, guru telah menunjukkan iklan Petronas (2006) yang menunjukkan bagaimana anak-anak telah terikut-ikut perlakuan ibu bapa yang menyisihkan datuk mereka kerana sudah lemah, kurang pendengaran dan selalu mengganggu ketenangan di meja makan.

Sambil menonton iklan, para pelajar ditugaskan untuk menulis perkembangan cerita berdasarkan penyusun grafik yang diberikan. Mereka juga perlu mendapatkan mesej yang hendak disampaikan melalui iklan. Para pelajar juga menyenaraikan masalah yang sering dialami oleh warga tua, sebab-sebab mengapa warga muda tidak boleh menyisihkan mereka dan tanggung jawab anak-anak dalam melayani ibu bapa yang tua dan lemah. Sebagai langkah pengukuhan, sebuah lagi klip video yang bertajuk ‘Surat Seorang Ibu’ dipaparkan. Pelajar juga diberikan tugasan mengenal pasti kesilapan yang sering dilakukan anak-anak apabila mereka sudah dewasa dan terlalu sibuk bekerja. Seterusnya para pelajar diminta merujuk buku kerja, membincangkan isu yang diperkatakan dan menjawab soalan-soalan latihan yang disediakan dalam buku teks dan buku kerja Jendela Bahasa.

5) Pengajaran dan Pembelajaran Menulis Karangan Ekspositori untuk Menengah 2 Ekspres dan 3 Normal Akademik (Iklan Petronas)

Menulis karangan ekspositori sering menjadi cabaran bagi para pelajar yang lemah. Masalah timbul akibat pelajar kurang membaca lalu menyebabkan pelajar ketandusan idea untuk menulis. Pedagogi yang dilaksanakan memastikan pelajar dibantu. Teks-teks tambahan, penyusun grafik dan pembelajaran didahului dengan penggunaan iklan Petronas (2007) yang bertajuk ‘Kenapa Saya Suka Rumah Saya’ yang menonjolkan erti kebahagiaan bagi seorang kanak-kanak. Para pelajar mencatat mesej yang mereka fahami dari visual iklan dan kemudian berbincang secara berpasangan tentang erti kebahagiaan rumah tangga menurut pandangan mereka. Ini disusuli dengan perkongsian di kelas. Mereka kemudian diminta membaca secara lantang teks tentang keluarga bahagia. Isi-isi utama bahan bacaan dicatatkan di penyusun grafik. Dengan bantuan slaid yang diulang paparannya, para pelajar ditunjukkan cara-cara menulis karangan ekspositori berdasarkan isi-isi yang sudah dibincangkan. Tugasan yang diberi ialah “Cara-Cara Mewujudkan Keluarga Bahagia”. Para pelajar diperingatkan lagi bahawa idea utama harus diiringi dengan huraian dan disusuli dengan contoh (salah satu teknik penulisan yang telah didedahkan sebelumnya).

6) Pengajaran dan Pembelajaran Menulis E-mel Rasmi Menengah 3 Normal Akademik

Berada dalam makmal komputer untuk aktiviti pembelajaran bahasa memang sangat disenangi oleh para pelajar. Selaku pribumi digital, mereka akan segera melungsuri Internet untuk pelbagai aktiviti. Guru akan memanfaatkan minat tersebut dengan mengadakan aktiviti penulisan e-mel langsung dari murid kepada gurunya. Namun sebagai set induksi, guru memancing perhatian pelajar dengan klip video yang relevan dengan objektif pengajaran yang ditetapkan iaitu menulis e-mel

rasmi tentang pengalaman berada dan menggunakan kemudahan perpustakaan awam. Klip video yang digunakan ialah tatkala Mr. Bean berada di perpustakaan. Para pelajar ditugaskan menuliskan di kertas tugas mengenai keadaan di perpustakaan dan perkhidmatan yang ditawarkan. Mereka kemudian diminta menulis kesalahan yang dilakukan oleh *Mr. Bean* selaku pengguna perpustakaan. Secara berkumpulan, para pelajar diminta membincangkan pengalaman mereka sendiri selaku pengguna perpustakaan awam. Mereka juga mesti menyarankan idea-idea bagaimana masalah itu dapat ditangani demi memperelok mutu perkhidmatan. Berdasarkan kemahiran yang sudah diketahui, para pelajar menggunakan alamat e-mel sendiri untuk menulis e-mel kepada guru yang kononnya bertugas sebagai pegawai perpustakaan untuk menangani isu tersebut.

Dapatan Kajian


Menurut pemerhatian guru dan dapatan kualitatif, para pelajar telah menunjukkan reaksi yang positif apabila dipaparkan video-video pilihan. Bahan tersebut menepati profil pelajar yang merupakan pelajar visual. Selain itu, watak Mr. Bean memang agak tersohor dan tidak asing bagi pelajar. Mereka melihat bahan visual tersebut dalam kelas dengan memberikan tumpuan bukan sahaja pada unsur humor tetapi juga pada unsur-unsur pengajaran atau mesej yang dipaparkan. Apabila guru menyuntik unsur humor pada pengajaran topik kitar semula dengan menayangkan aksi Sudin, Ramli dan Aziz menjual barang terpakai, para pelajar kelihatan terhibur. Meskipun filem hitam putih itu sudah agak usang, namun filem tersebut masih dapat menarik perhatian para pelajar pribumi digital. Pengajaran tersebut juga telah merangsang pelajar untuk memperluas dan memperdalam pemahaman mereka tentang klip video yang ditonton.

Selain itu, penggunaan lagu dalam pengajaran dan pembelajaran masih menjadi tarikan walaupun mungkin lagu itu


bukan mempunyai nada yang menepati cita rasa generasi mereka. Para pelajar tidak sahaja belajar dengan iringan muzik malah mereka telah dapat memperkaya kosa kata dengan meneliti lirik-lirik yang mereka sempurnakan semasa mendengar lagu. Oleh itu para pelajar tidak sahaja belajar dalam suasana berunsur hiburan semata-mata tetapi tetap mengasah kemahiran dalam bidang bahasa.

Para pelajar yang memang singkat keupayaan tumpuannya itu dibantu fokus pada apa yang didengar dan dilihat dengan meneliti lirik yang diberi dengan aktiviti mengisi beberapa tempat kosong. Secara keseluruhan, para pelajar menyambut baik paparan pelbagai bahan video yang digunakan dalam proses pengajaran pembelajaran Bahasa Melayu iaitu karangan, e-mel dan kefahaman. Mereka juga gembira kerana adanya unsur humor yang ditunjukkan oleh watak-watak dalam klip video yang dipilih.

Rajah 1: Peratusan Respons Pelajar Terhadap Pelajaran Tanpa Sokongan Visual



Rajah 2: Peratusan Respons Pelajar Terhadap Pelajaran Dengan Sokongan Visual



Kesimpulan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pedagogi yang pelbagai dan mengambil kira profil pelajar membantu mewujudkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang menyeronokkan. Matlamat pendidikan yang juga mengutamakan penerapan nilai murni dalam kalangan para pelajar masih boleh dipupuk dengan memanfaatkan visual yang pendek tetapi jitu mesej yang hendak disampaikan. Aplikasi bahan humor sebagai media pendidikan dan penyampaian maklumat boleh menyumbang pada sekitaran pembelajaran yang menarik.

Dalam memanfaatkan klip video, lagu dan unsur humor, para guru perlu sentiasa kreatif memanfaatkan sumber-sumber yang ada di ruang siber. Para pelajar harus sentiasa dirangsang sebelum sesuatu sesi pembelajaran dan pengajaran yang menumpukan perhatian pada tajuk yang bersifat agak membosankan dan mendatar. Kepelbagai-

strategi pengajaran yang mengambil kira profil pelajar yang berbeza akan memastikan bahawa setiap pelajar terlibat.

Terdapat banyak lagi klip video yang boleh dicari dan dimanfaatkan dari lelaman *Youtube*. Terpulanglah pada guru dan pelajar untuk menelusuri dan menggunakannya dengan cara yang sebaik-baiknya. Para pelajar harus disedarkan bahawa Internet ibarat serampang dua mata. Internet berupaya membantu seseorang jika mereka tahu menggunakan dengan baik. Internet juga boleh menjadi unsur yang merosakkan mereka jika mereka tidak menggunakannya dengan cara yang bertanggungjawab. Para guru dan pelajar harus dapat menjadikan sempadan unsur-unsur negatif yang terdapat dalam bahan visual yang dipilih dan dipaparkan.

Rujukan

- Abdullah Ghani Abdullah, Ph.D, Abdul Rahman Abd. Aziz,
Abdul Rashid Mohamed Ph.D. (2007). *Humor Dalam Pengajaran*. PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Azriana Abdul Manan & Yahida Yahya (2011). *Humor Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu* dipetik dalam
http://www.mlcs.sg/home/images/MLCS_Gallery/seminar2011/paper16
- Fletcher P.C. (2005). *On the Benefits of not Trying: Brain Activitiy and Connectivity Reflecting the Interactions of Explicit Sequence Learning*. Oxford Journals (Cerebral CORTEX). UK.
- Grasha A.F. (1996). *Teaching with Styles: A Practical Guide to Enhance Learning by Understanding Learning and Teaching Styles*. New York: Alliance Publisher.

Khahr, D dan Wallace, J.G. (1976). *Cognitive Development: An Information Processing View*. Lawrence Erlbaum Associates. Hillsdale, New Jersey.

Jonassen D.H (1996). *Computers in the Classroom: Mind Tools for Critical Thinking*. New Jersey: Prentice Hall.

Juriah Long (2010). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.

Laporan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda 2010.
Memupuk Pelajar Aktif dan Pengguna Cekap.
Kementerian Pendidikan Singapura.

Shepherd, Peter (2001). *Whole Brain Thinking and Learning Enhancing Individual and Organizational Learning*. Petaling Jaya Brain Dominance Technologies Sdn. Bhd.

Wood, J.W. (2002). *Adapting Instruction to Accommodate Students in Inclusive Setting Including All Students*. New York: Pearson Education Inc.

Zamri Mahmood (2011). *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Iklan Petronas (2006). dipetik daripada
<http://www.youtube.com/watch?r=sfHa6FBoloy>